

04/02/2001

Muzakarah untuk kurangkan perpecahan

PEKAN: Cadangan Umno mengadakan muzakarah dengan Pas bukan bermakna parti kerajaan itu sudah lemah, sebaliknya ia penting bagi mengurangkan ketegangan dan perpecahan di kalangan orang Melayu.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata setakat ini, Pas pada prinsipnya bersetuju dengan cadangan muzakarah itu tetapi beberapa perkara, termasuk tarikh dan tempatnya belum ditetapkan.

Beliau berkata, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, sudah menghantar surat kepada Pas berhubung jemputan mengadakan muzakarah itu dan setakat ini, Umno belum menerima maklum balas mengenainya.

Katanya, walaupun sudah bersedia menghadapi muzakarah itu, Umno tidak menetapkan jangka masa kepada Pas kerana menganggap kelewatan tidak menjejaskan matlamat asal muzakarah itu.

Menurutnya, Biro Politik Umno yang dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan dianggotai Timbalan Presiden, semua Naib Presiden, Ketua Pemuda dan Wanita, Ketua Penerangan, Bendahari, Setiausaha Agung dan mungkin pengerusi biro agama, akan bermesyuarat apabila tarikh dan tempat serta bilangan peserta sudah ditetapkan.

"Muzakarah itu bukan tanda Umno lemah kerana pada 1974, perbincangan yang sama sudah diadakan. Ini cubaan kali kedua bagi mengurangkan ketegangan, perbalahan dan perpecahan di kalangan masyarakat Melayu.

"Kita sekarang menunggu jawapan daripada Pas dan penetapan tarikh serta tempat muzakarah," katanya selepas menghadiri majlis meraikan warga tua anjuran pejabat Kemas Parlimen Pekan, di sini, semalam.

Menurut Najib, Umno tidak dapat menjangka bila muzakarah itu boleh diadakan kerana ia kini terpulang kepada Pas menentukannya.

"Kita sudah bersedia berjumpa bila-bila masa dan saya fikir, ia tidak seharusnya terburu-buru, kerana jika lambat sekalipun, ia tidak mengurangkan nilai atau kesannya kepada kita.

(END)